

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan: UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4
Tarikh : 11 Ogos 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 17/2026

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/HOSPITAL PENGAJAR/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN GARIS PANDUAN PEWUJUDAN GELARAN PROFESOR KEHORMAT
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mulai 1 Disember 2024, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah menyemak semula Garis Panduan Pelantikan Profesor Kehormat bagi memastikan kandungannya selaras dengan struktur perkhidmatan semasa.
3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 3/2026 bertarikh 9 Februari 2026 telah meluluskan pindaan Garis Panduan Pewujudan Gelaran Profeor Kehormat Di UKM dan ia telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2026 bertarikh 19 Mei 2026.
4. Bersama-sama ini, dilampirkan:
 - a. Pindaan penulisan adalah pada bahagian Proses Kerja (**Lampiran A**);
 - b. Garis Panduan terkini (**Lampiran B**); dan
 - c. Infografik (**Lampiran C**)
5. Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, boleh menghubungi pegawai berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO.TELEFON
1.	Puan Fasya Sulaiman Penolong Pendaftar Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	fasyasulaiman@ukm.edu.my	03-8911 8231
2.	Puan Nur Hatin Ilyia Abd Razak Pembantu Tadbir Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	ilyiarazak@ukm.edu.my	03-8911 8246

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-2-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

LAMPIRAN A

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN
1.	Profesor Kehormat yang telah memenuhi kriteria hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan.	PTj
2.	Pusat Tanggungjawab (PTj) mengemukakan borang permohonan lengkap kepada BSM yang merangkumi: • Borang Permohonan Pelantikan Khas Akademik • Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan F//P • Salinan Kad Pengenalan/ Pasport Calon • <i>Curriculum Vitae</i> terkini • Laporan pencapaian (pelantikan semula)	PTj
3.	Mengatur Jawatankuasa Saringan Pemberian Gelaran Profesor Kehormat dengan keahlian seperti di bawah: Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (TNC) Ahli : Dua (2) orang Ahli Senat : Dekan/Pengarah Setiausaha : Pendaftar/Wakil (Gred 9 dan ke atas)	BSM
4.	Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Saringan Pemberian Gelaran Profesor Kehormat akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti dan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU).	BSM
5.	BSM akan mengeluarkan surat pemakluman keputusan kepada calon.	BSM



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

GARIS PANDUAN PEWUJUDAN GELARAN PROFESOR KEHORMAT DI UKM
(Pemakluman LPU Bil. 3/2026 bertarikh 19 Mei 2026)
(Kelulusan MPU Bil. 3/2026 bertarikh 9 Februari 2026)

1. SYARAT KELAYAKAN

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Calon merupakan Profesor UKM yang telah bersara atau tidak lagi berkhidmat secara kontrak dan telah memberi sumbangan yang cemerlang semasa berkhidmat;
- ii. Pelantikan berasaskan tawaran/jemputan dari pihak Universiti.

2. TERMA PELANTIKAN

Tertakluk kepada persetujuan PTj dan calon, antara tugas-tugas adalah seperti berikut:

- i. Memberikan syarahan jemputan;
- ii. Memberi pandangan untuk memantapkan kurikulum dan program-program baharu;
- iii. Memberi nasihat untuk meningkat kebolehan pasaran graduan;
- iv. Memberi nasihat dan membantu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kepakaran tertentu;
- v. Sebagai penyelia bersama untuk pelajar pasca siswazah;
- vi. Sebagai ahli projek penyelidikan;
- vii. Menerbit artikel bersama dengan penyelidik UKM; dan
- viii. Lain-lain yang dipersetujui bersama.

3. TEMPOH PEMBERIAN GELARAN

Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk sekali lantik dan boleh dilantik semula tertakluk kepada kelulusan universiti.

4. STATUS PELANTIKAN

Pelantikan sebagai Profesor Kehormat:

- i. Adalah dikategorikan sebagai staf tidak aktif di UKM. Sehubungan itu, perkara berikut **TIDAK TERMASUK** dalam terma pelantikan:



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

- a. Akses kepada Sistem Maklumat Universiti (SMU);
- b. Sebagai Penyelia Utama;
- c. Sebagai Ketua Projek Penyelidikan; dan
- d. Mewakili Universiti dalam apa-apa bentuk rundingan dengan pihak luar.

ii. tidak disandarkan kepada mana-mana skim dan gred perkhidmatan.

5. HONORARIUM DAN SUMBER KEWANGAN

Dengan persetujuan PTj bayaran (honorarium/imbuhan) boleh dipertimbangkan untuk tugas-tugas tertentu (bayaran bukan emolumen) dengan menggunakan peruntukan PTj.

6. KELAYAKAN KEMUDAHAN

- i. Akses kepada Perpustakaan UKM;
- ii. Penggunaan emel rasmi UKM;
- iii. Afiliasi alamat rasmi di UKM; dan
- iv. Pelekat kenderaan untuk masuk ke kampus;

7. PENULISAN GELARAN DALAM DOKUMEN RASMI

Contoh :

Nama :
Profesor Kehormat


Nama PTj :
Universiti Kebangsaan Malaysia

8. PEMATUHAN PERATURAN UNIVERSITI

Sepanjang tempoh lantikan ini, Profesor Kehormat tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa di Universiti serta hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej Universiti.

9. PENAMATAN/PELETAKAN JAWATAN

Universiti boleh menamatkan lantikan Profesor Kehormat dan Profesor Kehormat boleh memohon peletakan jawatan dengan memaklumkan kepada Dekan/Pengarah secara bertulis, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa universiti.



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

10. PROSES DAN PROSEDUR PEMBERIAN GELARAN


BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN
1.	Profesor Kehormat yang telah memenuhi kriteria hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan.	PTj
2.	Pusat Tanggungjawab (PTj) mengemukakan borang permohonan lengkap kepada BSM yang merangkumi: - Borang Permohonan Pelantikan Khas Akademik - Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan F//P - Salinan Kad Pengenalan/ Pasport Calon <i>Curriculum Vitae</i> terkini - Laporan pencapaian (pelantikan semula)	PTj
3.	Mengatur Jawatankuasa Saringan Pemberian Gelaran Profesor Kehormat dengan keahlian seperti di bawah: Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (TNC) Ahli : Dua (2) orang Ahli Senat : Dekan/Pengarah Setiausaha : Pendaftar/Wakil (Gred 9 dan ke atas)	BSM
4.	Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Saringan Pemberian Gelaran Profesor Kehormat akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) dan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU).	BSM
5.	BSM akan mengeluarkan surat pemakluman keputusan kepada calon.	BSM



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN PROFESOR KEHORMAT



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar